



ROSLI (kanan) menunjukkan barang audio elektronik yang dirampas.

Tujuh premis jual produk audio JBL tiruan diserbu

Putrajaya: Kegiatan tujuh premis di tiga lokasi berasingan di sekitar Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru menjual barangan audio elektronik berjenama JBL disyaki tiruan dihidu pemilik cap dagang berkenaan.

Pemilik cap dagang itu melakukan tinjauan di premis itu, seterusnya melaporkan kepada Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengu-

na (KPDNHEP).

Timbalan Pengarah Penguat kuasa KPDNHEP, Rosli Ahmad berkata, susulan itu, risikan dijalankan selama dua bulan dan pada 8 Oktober lalu, tujuh premis berkenaan diserbu 31 penguat kuasa KPDNHEP, sekali gus merampas 1,331 unit barangan audio elektrik dengan nilai RM20,275.

"Nilai rampasan itu jauh lebih rendah berbanding nilai keseluruhan bagi harga barangan jenama JBL tulen iaitu

RM500,000.

"Barangan dirampas termasuk *earphone*, *headphone*, *speaker* dan beberapa aksesori lain menggunakan jenama JBL (jenama berasal dari Amerika Syarikat) namun disyaki tiruan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Berikutan itu, beliau berkata, tujuh kertas siasatan dibuka dan disiasat mengikut Seksyen 8, Akta Perihal Dagangan 2011 kerana disyaki mendedah, membekal dan menyimpan barangan menggunakan cap dagang palsu dan dalam kes ini, menggunakan cap dagang JBL palsu.

1,331 unit barangan audio elektrik bernilai RM20,275 dirampas